

# Penuhi kekurangan kru vesel laut dalam

HM 27/8/24 Pg 12

**Kuantan:** Jabatan Perikanan mempelawa pemain industri perikanan mengambil banduan program Sistem Parol termasuk yang menerima Pembebasan Banduan Secara Berlesen (PBSL) untuk berkerja sebagai kru vesel laut dalam.

Ketua Pengarahnya, Datuk Adnan Hussain berkata, pihaknya telah mengadakan perjanjian dengan Jabatan Penjara Malaysia berkaitan tenaga kerja banduan dalam sektor perikanan.

Menurutnya, usaha menjadikan golongan banduan sebagai kru vesel laut dalam dilakukan bagi menampung kekurangan kru dalam kalangan masyarakat tempatan yang berlaku sekian lama.

Katanya, rekod jabatan tahun lalu terdapat lebih 25,000 kru vesel laut dalam seluruh negara terdiri

daripada warga asing dari Thailand, Vietnam dan Indonesia. Seramai 18,000 kini berada di Semenanjung, mereka bekerja dengan beberapa syarikat.

"Sudah lama sektor perikanan laut dalam negara kekurangan kru warga tempatan, kekurangan itu diisi kru warga asing yang hadir hampir setiap tahun ke negara ini.

"Vesel laut dalam Zon C, C2 dan C3 dalam satu masa memerlukan antara 15 hingga 30 kru, kekurangan kru akan menimbulkan banyak masalah pada tekong dan pemilik vesel," katanya dihubungi di sini, kelmarin.

Beliau menambah, kini terdapat 778 vesel laut dalam termasuk bot peranti pengumpul ikan seluruh negara, hanya 450 sahaja aktif menjalankan aktiviti menangkap ikan di 100 hingga 200 batu nautika.